



# KOPI PAHIT

Ahmad Haji Tap telah menuduh Haji Ya'acob Mohamed, Menteri Negara bagi Pejabat Perdana Menteri Singapura banyak membuat janji-janji tetapi janji-janji itu tidak ditepati. Tuan Haji Ya'acob menjawab bahawa ia tidak pernah berjanji dan selalu menjauhkan diri daripada persidangan-persidangan yang membahas Rang Undang-undang Islam. Tara la la – tara la la bum! Bum! Lidah tak bertulang bum! Bum! Aku taula!?

\* \* \*

Berita-berita mengenai Majlis Bahas Penamat Bulan Bahasa sangat meriah di ibu kota Malaysia. Sungguh senang dan gembira mendengar kelancaran peserta-peserta yang mengambil bahagian cuma – ya cuma – sebagai kata berita utusan kanak-kanak dari umur 3 tahun membawa kepada belia disogok dengan perkara seks! Tidakkah ini boleh dikawal dan dijaga untuk menjaga ketertiban adat istiadat kita orang Timur?

\* \* \*

A. Khir Johari, Menteri Pelajaran Malaysia bilang, jangan lekas-lekas pergi haji – dahulukan masalah pelajaran dan digunakan wang itu untuk pelajaran dahulu kerana ini mustahak. *Al-hamdu li Lāh*. Syor baik tetapi kalau orang sudah cukup syarat-syaratnya dan wang untuk perbelanjaannya sudah ada lalu ia mati tidak haji – siapa mahu tanggung – A. Khirkah rasanya beliau tentu tidak mahu. Kalau

begitu baik-baik nasihat!

\* \* \*

Orang Islam diseru untuk menyimpan wang berdikit-dikit untuk kelak suatu masa dapat ia menuaikan fardu haji rukun Islam yang kelima. Itulah tentunya maka beramai-ramai orang-orang kampung menyimpan tetapi tup! Tup! Berdiri syor pegawai Perbadanan Haji menyeru utamakan pelajaran tinggi anak-anak dahulu daripada berbelanja untuk haji – bagaimana perasaan orang kampung?! Kalau mahu siang-siang disebut buat pelajaran kan baik – jangan seakan-akan kung kelikung aja!

\* \* \*

Wan Abdul Kadir bin Ismail, di dalam Dewan Rakyat Malaysia bilang: “Memberi syer-syer kosong kepada satu dua kerat bumiputra dan melantik mereka menjadi pengarah satu dua syarikat tidak akan sampai ke mana.” Betul Wan – sekali lagi betul tetapi syer kosong dan jadi pengarah kan duduk di kerusi empuk – di bilik sejuk. Kerana itu mungkin ada daripada mereka lupa hal saudara-saudaranya. Adakah pula mungkin Wan sendiri kalau dapat begitu akan sama juga dengan mereka? Mudah-mudahan jangan!!

\* \* \*

“Kita, penduduk Singapura mengaku bahawa kita adalah bersatu, dengan tidak memandang bangsa, atau agama di dalam himpunan demokratik yang didasarkan keadilan dan persamaan

untuk mencapai kebahagiaan dan kemajuan kerana negara – ini ialah kalimah-kalimah yang disuruh kanak-kanak sekolah seluruh Singapura membuat pengakuan. – *No comment.*

\* \* \*

Masjid dan gereja-gereja di Peking telah dilanggar sebagai tapak permulaan penindasan kepada agama di sana. Sebab itu berhati-hati supaya kalau ada bibit-bibit Komunis mestilah dibenamkan dan Islam mestilah berjihad menentangnya dari sekarang.

\* \* \*

Mahkamah Tinggi Mesir telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada tujuh orang pimpinan-pimpinan *Ikhwān al-Muslimīn* di antaranya termasuk seorang pakar Islam yang masyhur Sayyid Qutb. Seluruh dunia Islam menuntut supaya hukuman itu ditiadakan – dan kalau Gamal tidak mahukan kepadanya – kan lebih baik dibuang negeri sahaja – kerana membunuh, ya membunuh berat padahnya! Ini tentunya gambaran mempertahankan kekuasaan yang berselaput dengan darah di tangan. Apakah ini tidak menunjukkan pemerintahan diktator? Adakah Gamal Hitler di Timur Tengah?

\* \* \*

Habib Nasir dari Dewan patut diberi medal mas kerana bukannya sahaja bahasa telah mulai dipakai dengan fasih oleh orang-orang bukan Melayu tetapi mereka juga sudah tahu *al-salāmu ‘alaykum*, membentangkan hadith dan ada yang gemar mempelajari pelajaran-pelajaran agama. Ahli-ahli tabligh dan badan-badan tabligh mestilah memperhati dengan saksama soal ini kerana lain agama sudah banyak mengambil peluang membuat seruannya dengan bahasa kebangsaan dengan risalah-risalahnya sedang kita, ya kita masih dalam pertanyaan. –

Cemeti al-Farouk